

Dr. Mahathir jumpa Arroyo hari ini

Mingguan Malaysia - 4/10/2004

MANILA 3 Okt. - Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan membincangkan usaha Manila untuk berdamai dengan pertubuhan pemisah Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dalam pertemuan beliau dengan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo minggu ini.

Dr. Mahathir akan menemui Arroyo dalam majlis makan malam esok sebelum beliau berucap kepada peserta Persidangan Perniagaan Filipina pada Selasa ini, kata Setiausaha Luar Filipina, Alberto Romulo hari ini.

Arroyo dijangka mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mahathir kerana peranan beliau semasa menjadi Perdana Menteri dalam menggalakkan rundingan damai disambung semula antara kerajaan Filipina dengan MILF.

Romulo menyatakan, Dr. Mahathir yang mendapat pujian kerana membangunkan ekonomi Malaysia akan juga membincangkan usaha Manila untuk mengelakkan krisis kewangan yang semakin mengancam.

"Presiden Arroyo menyatakan beliau akan mengalu-alu sebarang nasihat yang ingin diberikan oleh Dr. Mahathir," tambah Setiausaha Luar itu.

Malaysia telah menganjurkan rundingan damai yang disambung semula antara Manila dengan MILF, dan kini mengetuai misi negara-negara Islam untuk memantau gencatan senjata antara kedua-dua pihak di selatan Filipina.

MILF yang mempunyai 12,000 anggota telah memperjuangkan sebuah negara Islam merdeka di selatan negara ini.

Bagaimanapun, mereka menandatangani perjanjian gencatan senjata dengan Manila dua tahun lepas dan menolak sebarang hubungan dengan pertubuhan pengganas asing untuk membolehkan rundingan damai diteruskan.

Para pegawai Manila juga berkata, Arroyo akan menyampaikan ucapan terima kasih kepada beberapa pemimpin ASEAN dan negara Eropah kerana menyokong proses damai dengan MILF apabila beliau menghadiri Mesyuarat Asia Eropah (ASEM) di Hanoi pada 7-9 Oktober ini. - AFP